

# Inovasi kewangan Islam pacu pertumbuhan ekonomi seimbang

- Malaysia boleh memanfaatkan kekuatan kewangan Islam sebagai mekanisme strategik untuk memacu pertumbuhan ekonomi yang lebih seimbang dan manusiawi

- Idea dan usaha mengintegrasikan dan memupuk elemen filantropi, seperti zakat, wakaf dan sedekah ke dalam produk dan instrumen kewangan Islam arus perdana perlu dipertingkatkan



Oleh Dr Nazrul Hazizi Noordin  
bhrencana@bh.com.my

Malaysia sekali lagi berada di kedudukan teratas Indikator Pembangunan Kewangan Islam (IFDI) 2024, mencerminkan kepakaran, kepemimpinan dan komitmennya dalam memacu pembangunan sektor ini di peringkat dunia.

Kejayaan ini didorong tiga kayu ukur utama didominasi Malaysia, iaitu prestasi pasaran modal, terutama dalam penerbitan sukuk, tadbir urus dan kemampanan.

Namun, penggubal dasar dan pemain industri tidak boleh terus selesa dengan pencapaian ini memandangkan industri kewangan Islam terus berhadapan dengan kritikan yang perlu ditangani secara lebih

tuntas.

Kritikan ini tertumpu kepada sejauh mana produk dan amalan institusi kewangan Islam benar-benar memenuhi objektif atau maqasid syariah, yang memberi penekanan terhadap soal keadilan sosial serta kelestarian alam sekitar.

Kebergantungan tinggi kepada instrumen berasaskan hutang dalam industri kewangan Islam mengundang dakwaan bahawa impak sebenar dan sumbangannya kepada pertumbuhan ekonomi negara tidak jauh berbeza daripada sistem konvensional.

Data daripada Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB) menunjukkan terdapat konsentrasi signifikan dalam pembiayaan berteraskan kontrak hutang, seperti murabahah dan tawarruq yang ditawarkan bank Islam di negara ini.

Pada suku kedua 2024, pembiayaan jenis ini mencatatkan jumlah 72.14 peratus daripada keseluruhan pembiayaan meningkat dengan ketara daripada 48.84 peratus pada suku sama 2014.

Instrumen berasaskan hutang sering dikritik kerana cenderung memberi tumpuan kepada pulangan jangka pendek, sekali gus mengabaikan pelaburan langsung dalam sektor sebenar yang menjadi asas kepada pertumbuhan ekonomi lestari.

Kebergantungan kepada hutang juga berpotensi menambah tekanan ke atas perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta isi rumah, lalu membantutkan keupayaan mereka untuk mengembangkan pendapatan, sekali gus menyumbang secara produktif kepada aktiviti ekonomi.

Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) menjangkakan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang lebih sederhana pada 2025, masing-masing pada kadar 4.5 peratus dan 4.7 peratus, berbanding 4.9 peratus dan 5.0 peratus pada 2024.

Penyesuaian angka ini mencerminkan cabaran global lebih getir seperti ketidakpastian ekonomi, ketegangan geopolitik dan kelembapan pelaburan.

Oleh itu, adalah penting bagi Malaysia untuk merangka hala tuju dan dasar yang tepat bagi memastikan pertumbuhan ekonomi kekal terangkum serta mampan.

Matlamat ini bukan sahaja menjadi visi Kepengerusian Malaysia dalam ASEAN tahun ini, tetapi juga teras kepada kebangkitannya sebagai kuasa ekonomi utama di rantau ini.

Dalam usaha ini, Malaysia boleh memanfaatkan kekuatan kewangan Islam sebagai mekanisme strate-

gik untuk memacu pertumbuhan ekonomi yang lebih seimbang dan manusiawi.

Penulis menggesa inovasi (tajdid) dan reformasi (islah) secara berterusan (istiqamah) dan kolektif perlu dilaksanakan untuk memastikan industri kewangan Islam kekal relevan dalam persekitaran kewangan yang semakin kompleks.

Lebih penting lagi, langkah ini harus membawa transformasi struktur yang membolehkan sektor ini menyumbang secara bermakna kepada pertumbuhan ekonomi negara.

### Tiga pendekatan realisasi agenda

Sehubungan itu, penulis menggariskan tiga pendekatan perlu diambil dalam merealisasikan agenda inovasi kewangan Islam ini.

Pertama, tumpuan perlu diberikan kepada pembangunan produk pembiayaan berasaskan hasil (*outcomes-based financing*) berbanding produk yang hanya berasaskan keuntungan (*profit-based*) atau yuran (*fee-based*).

Pendekatan berasaskan hasil ini dipelopori dengan lebih mendalam dalam industri lain, seperti sektor penjagaan kesihatan apabila penyedia perkhidmatan diberikan bayaran berdasarkan keberkesanan rawatan dinilai melalui indikator seperti kadar pemulihan pesakit dan kadar kemasukan semula ke hospital, bukannya berdasarkan jumlah rawatan diberikan.

Dalam model ini, penyedia perkhidmatan kesihatan turut menerima insentif kewangan jika berjaya mencapai sasaran kesihatan disasarkan, menjadikan sistem ini lebih saksama dan berimpak tinggi.

Konsep sama dapat diterapkan melalui penawaran pembiayaan berkaitan kelestarian patuh syariah oleh bank Islam.

Pembiayaan jenis ini menghubungkan terma kewangan seperti kadar keuntungan dengan pencapaian sasaran kelestarian tertentu, seperti pengurangan pelepasan atau pencapaian program sosial dengan syarikat boleh menikmati pengurangan kadar atau rebat jika sasaran ini dicapai.

Kedua, institusi kewangan Islam perlu menetapkan keutamaan dalam menggerakkan

dana dan modal ke arah industri dan aktiviti memberi impak positif, seperti tenaga boleh diperbaharui, kecapan tenaga, pemuliharaan biodiversiti, pendidikan, PKS, keterjaminan makanan serta infrastruktur awam.

Keutamaan ini selaras dengan matlamat pembangunan jangka panjang dan aspirasi kemakmuran bersama, mengukuhkan reputasi institusi kewangan Islam sebagai sektor yang penuh dengan nilai etika dan membezakannya daripada institusi konvensional berorientasikan keuntungan semata-mata, yang sering memberi tumpuan kepada industri menawarkan pulangan pantas dan mudah.

Ketiga, idea dan usaha mengintegrasikan dan memupuk elemen filantropi, seperti zakat, wakaf dan sedekah ke dalam produk dan instrumen kewangan Islam arus perdana perlu dipertingkatkan.

Sebagai contoh, pasaran sukuk sering menerima kritikan kerana kebergantungannya pada struktur bersifat keuntungan tetap dan kurang menonjolkan nilai tambah unik.

Menurut laporan disediakan IFSB, hanya 4.6 peratus daripada jumlah sukuk diterbitkan pada 2023 menggunakan kontrak berasaskan perkongsian risiko seperti mudarabah dan musharakah.

Bagi mengatasi kritikan ini, instrumen inovatif seperti sukuk wakaf boleh diterokai sebagai varian sukuk baharu yang lebih sejajar dengan nilai Islam.

Selain dana diperoleh daripada penerbitan sukuk dapat digunakan untuk membangunkan aset wakaf, model sukuk ini juga membuka peluang kepada pemegang sukuk untuk menginfakkan amoun pokok serta keuntungan bagi tujuan kebajikan.

Selain itu, struktur pendanaan teradun berpotensi mengurangkan risiko pelaburan ini dapat menggalakkan lebih banyak penyertaan pelabur swasta dalam projek berimpak sosial lalu mengurangkan tekanan kepada fiskal kewangan negara.

Diharapkan pendekatan ini dapat menjadi panduan kepada dasar dan inisiatif dirangka industri dalam mengukuhkan peranan kewangan Islam sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara inklusif, mampan dan berdaya tahan.

